

PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU KEMASUKAN SESI MAC 2021

PROGRAM USAHASAMA UiTM PRA DIPLOMA & DIPLOMA DI KOLEJ-KOLEJ BERSEKUTU (KKB) UiTM

1. PENDAHULUAN

TAHNIAH tuan/ puan kerana telah berjaya terpilih untuk mengikuti program pengajian pra diploma/ diploma di Kolej-Kolej Bersekutu (KKB) UiTM. Pihak kami berharap agar tuan/ puan dapat mengikuti sesi pengajian ini dengan penuh yakin dan dedikasi serta berdisiplin demi masa depan keluarga, agama dan negara.

2. TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL SEKIRANYA TUAN/ PUAN

i) MENERIMA TAWARAN:

Tuan/ puan perlu melakukan perkara berikut:

(A) Pendaftaran akan dilakukan mengikut perkara yang telah ditetapkan di surat tawaran

- a) Pendaftaran secara atas talian (*Online*) atau hadir mendaftar di tempat, masa dan tarikh seperti yang ditetapkan dalam surat tawaran.
- b) Pastikan dokumen salinan telah **disahkan benar** dan dokumen asal perlu dikemukakan pada hari pendaftaran. Sila pastikan dokumen-dokumen dan borang-borang berikut diisi dengan lengkap dan dikemukakan pada hari pendaftaran:
 - i. Borang permohonan atas talian (*online*) - yang telah dicetak
 - ii. Surat tawaran - asal atau yang telah dicetak
 - iii. Sijil kelahiran (pelajar dan ibu bapa)
 - iv. Kad pengenalan
 - v. Sijil SPM

PENTING :

**** Sila pastikan semua dokumen salinan telah DISAHKAN BENAR**

**** Salinan sijil dan dokumen walaupun telah disahkan oleh pegawai yang mempunyai kuasa tidak boleh diterima bagi menggantikan sijil asal.**

- c) Lengkapkan borang yang berkenaan untuk dibawa atau dihantar pada hari pendaftaran
 - i. Borang pendaftaran pelajar baharu – pastikan borang tersebut dilengkapi
 - ii. 1 keping gambar berukuran pasport - serah di kaunter pada hari pendaftaran

(B) Maklumat lanjut hari pendaftaran pelajar baharu KKB

a) Sila hubungi pihak KKB UiTM seperti senarai di bawah:

Bil.	KKB UiTM	Nama / No. Telefon
1.	Kolej UNIKOP	Puan Nur Afiqah Nadia Binti Roslan Hp: 010 - 4506027
2.	Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur	Puan Sharifah Idris Hp: 017-6187318 Pej: 03 – 92814054 ext 1145
3.	Kolej Teknologi Timur	Puan Faraizwana Wagimin Hp: 010 - 2322160
4.	Kolej UNITI	Puan Lily Ainieda Abdul Ghani Hp: 019 - 6413485
5.	Kolej Antarabangsa Unifield	Puan Zaihanisa Zainal Abidin Hp: 012 - 6347441
6.	East West International College	Puan Nur Diyanah Binti Abdul Murad Hp: 012 - 3823004
7.	Melaka International College Of Science & Technology	Puan Rabiatul Din Hp: 019 - 6750302
8.	Kolej Yayasan Pelajaran Johor	Puan Siti Nor Faizah Binti Mahfoz Hp: 011 - 11437871
9.	Kolej Yayasan Pahang	Encik Kaszaki Muhid Hp: 012 – 9086755 Pej: 09 - 5736888
10.	Kolej Widad	Puan Hasmalina Hassan Hp: 010 - 9255302
11.	Institut Sains & Teknologi Darul Takzim	Cik Nurul Hidayah Salleh Hp: 019 – 6007303 Pej: 07 – 8222008 ext 115
12.	Kolej FELCRA	Puan Rusyda Azyla Yaacob Hp: 013 – 2760487 Pej: 05 – 6551190 ext 218
13.	Kolej SATT	Cik Malisawani Othman Hp: 014 – 5761299 Tel: 082 - 230586

ii) **MENOLAK TAWARAN:**

- a) Tawaran ini akan terbatal secara automatik jika tuan/ puan **tidak hadir mendaftar sehingga tarikh akhir 28 Feb 2021.**
- b) Calon yang menolak tawaran **tidak akan disenarai hitam** dan boleh memohon semula untuk kemasukan pada sesi akan datang.

3. APA YANG ANDA PERLU TAHU TENTANG KOLEJ-KOLEJ BERSEKUTU (KKB) UiTM?

- i. Program Usahasama UiTM (Kolej-Kolej Bersekutu (KKB) UiTM) telah diwujudkan semenjak tahun 1996. Terkini, terdapat 20 KKB UiTM di seluruh Malaysia.
- ii. Kolej-Kolej Bersekutu (KKB) UiTM merupakan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diiktiraf oleh UiTM serta mendapat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menjalankan program pra diploma, diploma dan sarjana muda secara usahasama dengan UiTM (mod pengajian sepenuh masa).
- iii. Tujuan utama penubuhan Kolej-Kolej Bersekutu (KKB) UiTM ini adalah untuk memberi peluang kepada lepasan SPM/ STPM/ Matrikulasi/ Diploma yang tidak mendapat tempat pengajian di Universiti Awam (UA), terutamanya permohonan kemasukan ke UiTM.
- iv. Pelajar akan mengikuti pengajian berdasarkan silibus UiTM, termasuklah sistem peperiksaan yang dijalankan di KKB UiTM yang sama seperti di UiTM.
- v. Tenaga pengajar di KKB UiTM terdiri daripada mereka yang berkelayakan dan mendapat kursus dan latihan pengajaran daripada UiTM.
- vi. Pihak UiTM akan mengadakan audit kualiti tahunan kepada semua KKB UiTM ini bagi menjaga kualiti KKB UiTM.
- vii. Pelajar yang tamat pengajian Program Usahasama UiTM di KKB UiTM akan dianugerahkan diploma di dalam istiadat konvokesyen di UiTM. Graduan akan berpeluang untuk memohon pengajian ke program sarjana muda UiTM di bawah kategori pemohon "Lepasan Diploma UiTM".